



Jualan Mega 1Malaysia bakal **melonjakkan lagi ekonomi** negara.

[FOTO HIASAN]

Ekonomi negara kini makin baik

» *Kerancangan aktiviti beli-belah jadi tanda aras*

Perbelanjaan pengguna Malaysia, antara petunjuk utama perkembangan ekonomi negara, dijangka lebih baik pada separuh kedua 2012 selepas mengalami tempoh perlahan sebelum ini.

JF Apex Securities, berkata Karnival Jualan Mega 1Malaysia diadakan mulai 15 Julai hingga 2 September ini, dijangka dapat merencanakan lagi minat membeli-belah dan menarik lebih ramai pelanggan.

"Sehubungan itu, kami mengunjurkan pada musim perayaan akan datang iaitu hari raya pada Ogos; Deepavali pada November dan Krismas pada Disember, akan menyediakan momentum positif kepada sektor runcit," katanya dalam strategi dan tinjauan pasaran untuk separuh kedua 2012.

Turut merangsang jangkauan itu katanya, sentimen pengguna tempatan berdaya tahan, tinjauan pekerjaan stabil serta potensi pemberian tunai kerajaan.

Untuk sektor pembinaan pula, JF Apex berkata, Program Transformasi

Ekonomi (ETP) akan menjadi penggerak utama sementara pembangunan infrastruktur pula menjadi penggerak penting ke arah mencapai sasaran negara berpendapatan tinggi.

JF Apex berkata, Mass Rapid Transit (MRT) Lembah Klang menjadi perhatian utama kerana ia menawarkan pakej dan projek bernilai RM50 bilion hingga RM60 bilion.

Sektor hartanah lembab

Bagaimanapun, dalam sektor hartanah, syarikat penyelidikan menjangkakan jualan dan harga kediaman menyederhana ekoran kelembapan bertebaran ekonomi global dan krisis hutang kerajaan Kesatuan Eropah (EU).

Ia berkata, sektor hartanah meningkat 0.9 peratus berbanding FBM KLCI 4.7 peratus berikutan pengenalan garis panduan

baharu peminjaman tanggungjawab.

Katanya, penilaian pinjaman bagi gadai janji kini berdasarkan pendapatan bersih dan bukannya pendapatan kasar seperti sebelumnya.

Keadaan itu, menyaksikan penilaian lebih ketat bagi pinjaman pembeli

dan sentimen pasaran yang lemah untuk saham hartanah.

Sementara itu, dalam sektor telekomunikasi, JF Apex mengekalkan saranan membe-

bankan berikutan pertumbuhan pendapatan kukuh serta pembayaran dividen stabil.

Perkara itu, jelasnya, meningkatkan tarikan di kalangan pelabur khususnya ketika berlaku ketidakpastian pasaran seperti sekarang.

INFO

Faktor dorong berbelanja

- ⊕ Sentimen pengguna berdaya tahan
- ⊕ Pasaran **kerja yang stabil**
- ⊕ Potensi pemberian tunai oleh kerajaan

BERNAMA